# TITIAN WARNA

## *Sejarah Pembangunan dan Perubahan Citra*

# KUALA LUMPUR

Editor
**HAIRI ABDULLAH**



# K u a l a   L u m p u r

I
Kuseru asal-usulmu
Dari tetes air di genang bukit
Dua sungai mengalir lesu
Bertembung kini di bangunan berkepit

Maukah engkau mengakui
yang engkau kota jadian
Lahir dari siri petualangan
tetamu-tetamu yang tidak terundang
Serta ilham pena perancangan
Pembaik gagasan berwawasan

Maukah pula engkau dinobat
Bagai kota pancaran impian masa
Kota taburan visi
Pentas pilan keterampilan politik
Kota kapsul masa
Cermin tidak generasi muka

II
Kita mau meneropong citramu
Di tengah arus manusia berpusu
Dalam helaan bahang respirasimu
Di sebalik bidai debat dan polemik
Di sebalik dialektik para akademik

III
Diatah masjid jame yang menyondong
Pusat kewangan mencucuk ke langit
Berhimpit sempit mencari ruang bumbung
Struktur mekanisme mempompa duit

Sangkar burung mencacak ke awan
Di padang Britisy membaling perbek
Pucuk antik tempatnya gurauan
Barisan pemimpin membalas tabek

Besi bersabi ekonomi terus menggamit
Anak cucu cicit petualang purba

Dalam pesona memikat laksa ringgit
Dalam pesona mencari sinar budaya

Di mana tinggal wargakota KL de gaden siti
Di rumah menginap bertempel bintang
Atau di kondo-mondo kekotak Lego @ Villa Putri
Atau dalam kekotak kecil berjiran lingkang

IV
KL de siti of laita, de gaden siti
Musim kemarau dikelambui jerebu
Hoi! ke mana gerangan atmosfera nan biru
Setia ada tapi dirangi peluruan debu

"Pulangkan sekitaran pada tahap yang optimum"
"Pulihkan udara air dan alam yang tercemar"
Protes pakar sering sahaja diulur
Karbon monoksida dengan enak berlegar

Pembangunan, kebijaksanaan dan kebolehpelbagaian
Penerokaan alam, pemulihan serta pemuliharaan
Mau dilambung-lambung sahaja pelbagai impian
Atau kita kawal untuk kualiti kehidupan!

V
Maafkan kutulis puisi dalam nada gurauan
Ku pukul-pukul bekalkan mainan
Macam tepuk-tampar antara kawan
Tapi ingat kawan
Jika engkau tersungkur sembam
Pasti aku meluru menahan

Dendang Eton, "Kita masih menaruh harapan"
Kota jadian ini kita jadi kota impian
Keringat dan dakinya kita jadikan pakaian
Sejarah dan ... nya tembok sanggaan
dan
Kita tolak ...
Biar ... impian!

Che' Hamza Abbas

PERPUSTAKAAN KUALA LUMPUR KOLEKSI DIGITAL
PERPUSTAKAAN KUALA LUMPUR

PERPUSTAKAAN KUALA LUMPUR KOLEKSI DIGITAL

# Alu-aluan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk menulis kata-kata aluan dalam buku *Titian Warna* ini. Saya difahamkan tajuk ini dipilih bagi menunjukkan kepelbagaian aspek pembangunan yang telah dilalui oleh wargakota Kuala Lumpur dalam tempoh dua dasawarsa (1974-94) yang lalu. Proses yang dilalui ini telah menampilkan suatu citra baru. Inilah yang didokumenkan oleh buku ini demi menyambut ulang tahun Hari Wilayah yang ke-20.



Kuala Lumpur telah membesar dan berkembang pantas, dan kini menjadi sebuah bandaraya moden yang sedang mekar serta memainkan peranannya yang penting. Namun ramai di antara wargakota kini menjadi begitu resah kerana rupa-rupanya pembangunan pesat yang berlaku itu telah mengakibatkan beberapa kejutan pada diri mereka, semata-mata kerana tuntutan yang dihadapi semakin meluas dan canggih. Lantas ada yang dapat memahami (dan menyertai) sepenuhnya dan ada pula yang tidak. Akibatnya tidak semua sistem sosial bandaraya mampu berfungsi dengan sebaiknya. Maka senario ini tidak dapat tidak telah menimbulkan permasalahan yang beraneka warna bentuknya, sama ada dalam aspek sosial atau fizikal.

Persoalan sosioekonomi dan penggunaan ruang fizikal ini akan terus wujud; dan mengikut pengalaman negara-negara maju persoalan tersebut menjadi berlipat ganda. Oleh itu adalah penting kita memberikan pemikiran ke atas masalah ini dan mencari jalan bagaimana hendak mengatasinya demi menjamin kualiti hidup generasi yang akan datang. Dalam konteks ini saya ingin mencadangkan agar tenaga akademik sentiasa berkongsi fikiran dan seterusnya membantu para pentadbir bandaraya untuk mengatasinya. Suatu usaha yang teratur perlu diwujudkan di universiti-universiti dan juga di pusat-pusat penyelidikan tempatan khusus bagi memahami beraneka persoalan yang wujud sekarang dan akan datang. Ilmu mengenai permasalahan sosial bandar, khususnya bandaraya Kuala Lumpur, perlu kita miliki dan kuasai, kerana hanya dengan cara demikian kita dapat menjamin rancangan yang kita laksana serta perkukuhkan dari semasa ke semasa itu dapat berjalan dengan lancarnya.

*YB Dato' Drs Suleiman Mohamed*
*Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*